**MINIT MESYUARAT**

**JAWATANKUASA KUALITI**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**

**KALI KE-30**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 14 Disember 2016 (Rabu) |
| Masa | : | 2.30 Petang |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **30.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi:<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) EMS, TWP Peneraju Proses dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-30 ini;<br><br>(b) turut merakamkan ucapan tahniah atas perlantikan Encik Nasrudin Yahya sebagai TWP baharu Fakulti Ekologi Manusia berkuatkuasa pada 28 November 2016 menggantikan Encik Saiful Bahrie Abdul Manap. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **Minit 30.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-29**<br><br>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-29 yang telah diadakan pada 25 Ogos 2016 disahkan dengan pindaan berikut:<br><br>(a) Pembetulan pada senarai kehadiran iaitu perubahan pada nama Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh. | **Makluman** |

| | | |
|---|---|---|
| **Minit 30.2** | **Perkara-perkara Berbangkit**<br><br>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-29 seperti mana pada kertas edaran yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:<br><br>(i) **Minit 29.2 (a)(ii)** - mengambil maklum surat permohonan semakan semula piagam pelanggan telah dikeluarkan pada 15 Julai 2016 kepada Pengerusi Jemaah Dekan, Pengerusi Jemaah Pengarah Institut dan Pengerusi Jemaah Pengetua. Mesyuarat memohon supaya status tindakan susulan mengenai perkara ini dilaporkan kepada pihak sekretariat mesyuarat untuk tujuan pelaporan keberkesanan tindakan;<br><br>(ii) **Minit 29.2 (a) (vi)** – mengambil maklum sehingga 14 Disember 2016 masih terdapat sebanyak 23 NCR Audit Dalaman 2016 yang masih belum ditutup melebihi tempoh dan meminta supaya 9 PTJ yang terlibat mengambil tindakan segera berkaitan perkara ini, iaitu; | **PKPU**<br><br><br>**TWP**<br>**BKU, FSAS, FPV, FSPM, IPPH, INTROP, Pejabat Pendaftar, Pej. TNCPI, CARE** |

| Bil | PTJ | Jumlah NCR belum ditutup melebihi tempoh |
|---|---|---|
| 1. | Bahagian Keselamatan Universiti (BKU) | 2 |
| 2. | Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS) | 9 |
| 3. | Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) | 1 |
| 4. | Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (FSPM) | 1 |
| 5. | Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) | 3 |
| 6. | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) | 4 |
| 7. | Pejabat Pendaftar | 1 |
| 8. | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) | 1 |
| 9. | Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CARE) | 1 |
| | **JUMLAH** | **23** |

| | | |
|---|---|---|
| | (iii) **<u>Minit 29.2 (a) (viii)</u>** – mengambil maklum pembentangan ringkas berkaitan maklumbalas pelaksanaan agenda ISO sebagai salah satu agenda utama/tetap dalam mesyuarat pengurusan fakulti/institut dimana berdasarkan hasil maklumbalas berkenaan hampir keseluruhan PTJ telah memasukkan agenda tersebut sebagai agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan fakulti/institut masing-masing kecuali 2 PTJ sahaja yang belum melaksanakan iaitu Fakulti Pengajian Pendidikan dan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan. Oleh itu, mesyuarat bersetuju supaya Pusat Jaminan Kualiti menghantar surat saranan supaya memasukkan agenda ISO dalam mesyuarat pengurusan kepada PTJ berkenaan. | **TWP CQA** |
| **Minit 30.3** | **Laporan Dokumentasi**<br><br>**30.3.1 Stastitik Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum laporan statistik dokumentasi ISO adalah seperti pada **lampiran agenda 4.1, 4.2 dan 4.3** sebagaimana yang telah dibentang oleh Pegawai Kawalan Dokumen yang merangkumi jumlah dokumen mengikut ISO, pecahan mengikut kategori dokumen dan dokumen guna sama bagi ketiga-tiga ISO. Secara keseluruhannya, sehingga November 2016 sebanyak 1575 dokumentasi telah digunapakai dalam Sistem Pengurusan ISO (e-ISO). | **Makluman** |
| | **30.3.2 Cadangan Pelaksanaan Dokumentasi QMS MS ISO 9001:2008 dalam Dwibahasa**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) kertas cadangan pelaksanaan dokumentasi dwibahasa adalah seperti pada **lampiran agenda 4.4** yang telah dibentang oleh Pegawai Kawalan Dokumen. | **Makluman** |
| | (b) proses mendwibahasakan dokumentasi ISO akan dilaksana secara berperingkat ekoran daripada kekangan khidmat penterjemah yang ada dan juga kekangan sumber kewangan. Justeru, fasa pertama pelaksanaan dwibahasa akan ditumpukan kepada dokumentasi skop proses utama iaitu Pengajaran dan | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pembelajaran (Prasiswazah dan Siswazah) serta Penyelidikan dan Inovasi dengan mengambilkira keperluan akreditasi antarabangsa dan kemudahan rujukan pelajar dan staf antarabangsa. | |
| | | (c) bersetuju menyokong cadangan mendwibahasa dokumen fasa pertama menggunakan khidmat Unit Penterjemahan dan Penyuntingan, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa dengan anggaran kos sebanyak RM20,000.00. | **PKD** |
| | **30.3.3** | **Cadangan Pelaksanaan Pengemaskinian Dokumentasi ISO yang Belum Dipinda Sejak Tahun 2011** | |
| | | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | | (a) laporan perincian dokumentasi yang belum dipinda sejak tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti pada **lampiran agenda 4.5** yang telah dibentang semasa mesyuarat. | **Makluman** |
| | | (b) satu bengkel semakan dokumen telah diadakan pada 7 Disember 2016 melibatkan 17 orang Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses yang terlibat bagi menyemak dan membuat pindaan ke atas 221 dokumen dengan tarikh kuatkuasa terakhir antara tahun 2011 hingga 2013 untuk dikuatkuasakan pada 13 Januari 2016. | **PKD/TPKD PP** |
| | **30.3.4** | **Cadangan Jadual Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO Tahun 2017** | |
| | | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | | (a) cadangan tarikh dan perincian tindakan kuatkuasa dokumen bagi tahun 2017 adalah sepertimana **lampiran agenda 4.6** yang telah dibentang oleh Pegawai Kawalan Dokumen. | **Makluman** |
| | | (b) 6 siri tarikh kuatkuasa dokumen yang dijadualkan adalah seperti berikut:<br><br>(i) 13 Januari 2017;<br>(ii) 24 Mac 2017;<br>(iii) 26 Mei 2017;<br>(iv) 18 Ogos 2017;<br>(v) 13 Oktober 2017; dan<br>(vi) 8 Disember 2017. | **Makluman** |

| | | |
|---|---|---|
| **Minit 30.4** | **Laporan Audit**<br><br>**30.4.1 Laporan Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Ketakakuran Audit Pemantauan Semakan 1 QMS oleh SIRIM**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Laporan Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Ketakakuran Audit Pemantauan Semakan 1 QMS oleh SIRIM yang diadakan pada 19 hingga 29 Jun 2016 adalah sepertimana **pada Agenda 5.1** yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) pelan tindakan bagi 2 laporan ketakakuran telah dihantar kepada pihak SIRIM pada 23 Ogos 2016 manakala bukti pelaksanaan tindakan pembetulan telah dihantar pada 26 Oktober 2016 dan pihak SIRIM telah memberi maklumbalas pengesahan penutupan NCR pada 23 Disember 2016.<br><br>**30.4.2 Laporan Penemuan Audit Pemantauan Semakan 1 ISMS oleh SIRIM**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) laporan penemuan Audit Pemantauan Semakan 1, ISMS yang telah diadakan pada 31 Ogos 2016 dan 29 hingga 30 September 2016 adalah seperti pada Laporan **Agenda 5.2** yang telah dibentang oleh Penyelaras Audit Dalam.<br><br>(b) tiada laporan ketakakuran diperolehi dan hanya menerima 8 peluang penambahbaikan.<br><br>(c) mengambil perhatian bahawa format tindakan peluang penambahbaikan telah diedar kepada semua peneraju pada 17 Oktober 2016 untuk diambil tindakan dan pemantauan pelaksanaan tindakan (OFI) akan dilaksanakan secara berkala iaitu pada bulan Januari, Mac dan Jun 2017.<br><br>**30.4.3 Laporan Penemuan Audit Pemantauan Semakan 2 EMS oleh SIRIM**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum: | <br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br>**Makluman**<br><br>**PAD/ Semua Peneraju Proses ISMS** |

<table>
<tr><td></td><td>(a) hasil laporan penemuan Audit Pemantauan Semakan 2 EMS oleh SIRIM yang diadakan pada 10 hingga 12 Oktober 2016 telah memperolehi sebanyak 1 laporan ketakakuran dan 3 peluang penambahbaikan. Perincian mengenai penemuan audit adalah seperti pada lampiran agenda 5.3 yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) dan perhatian bahawa pengesahan persetujuan pelan tindakan telah diterima daripada pihak SIRIM dan bukti tindakan pembetulan akan dihantar kepada pihak SIRIM selewat-lewatnya pada 12 Januari 2017.<br><br>(c) dan perhatian berkaitan pelan tindakan OFI yang dimurnikan semasa bengkel pada 16 November 2016 dan telah diedarkan untuk tindakan semua PTJ yang terlibat termasuk peneraju dan PTJ lain yang tidak berkaitan bagi memastikan penemuan yang sama tidak berulang. Justeru, bagi memastikan keberkesanan tindakan, pemantauan pelaksanaan tindakan (OFI) akan dilaksanakan secara berkala iaitu pada bulan Januari, Mac dan Jun 2017.</td><td>Makluman<br><br>PAD<br><br>PAD/<br>TWP PTJ yang berkenaan</td></tr>
<tr><td>Minit 30.5</td><td>Laporan Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan ISO<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) berhubung laporan pemantauan keberkesanan pelaksanaan ISO adalah sepertimana pada lampiran agenda 6.0 yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) pemantauan keberkesanan bagi ISO dilaksanakan mengikut kriteria berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>ISO</th><th>Kriteria pemantauan keberkesanan tindakan</th></tr>
<tr><td>QMS</td><td>• Kepatuhan perkhidmatan<br>• Pencapaian pelan fungsian dan aras<br>• Pencapaian piagam pelanggan<br>• Pengurusan pelanggan</td></tr>
<tr><td>ISMS</td><td>• Pencapaian objektif ISMS<br>• Kawalan pelan pemulihan risiko<br>• Maklumbalas pemegang taruh</td></tr>
<tr><td>EMS</td><td>• Penilaian kepatuhan undang-undang<br>• Penilaian aspek impak<br>• Pencapaian objektif ISMS</td></tr>
</table>
</td><td>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | (c) dan turut meminta maklumbalas pelanggan yang diterima melalui Sistem U-respons yang bersifat aduan perlu dikenalpasti punca ketakakuran dan diambil tindakan pembetulan mengikut keperluan supaya dapat membantu menambahbaik kualiti perkhidmatan yang diberikan. | **PKPU/ TWP Peneraju Proses/TWP PTJ** |
| | (d) dan bersetuju dengan cadangan penambahbaikan dalam pengendalian maklumbalas pelanggan adalah seperti berikut: | |
| | (i) Sistem maklumbalas (U-respon) dinaik taraf kepada *friendly mobile* bagi memastikan maklumbalas pelanggan mudah dicapai melalui telefon; dan | **PKPU** |
| | (ii) PTJ melaksanakan kursus perkhidmatan pelanggan (kaunter dan telefon) bagi memastikan semua staf kompeten dalam melayani kehendak pelanggan. | **Semua TWP PP/TWP PTJ** |
| **Minit 30.6** | **Laporan Pelaksanaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2016** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) mengenai laporan pelaksanaan HKIP Tahun 2016 yang telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2016 sepertimana **lampiran agenda 7.0** yang telah dibentang semasa mesyuarat. | **Makluman** |
| | (b) Sambutan HKIP 2016 pada tahun ini menggunakan pendekatan yang lebih praktikal dan prakmatik (santai) selaras dengan sambutan Bulan Kaunseling Peringkat Kebangsaan yang diraikan pada bulan Oktober 2016. | **Makluman** |
| | (c) berkaitan tarikh penganjuran HKIP Tahun 2017 yang dijadualkan selepas Majlis Konvokesyen Kali ke-41 (tarikh sebenar akan dimaklumkan kemudian selepas tarikh Konvokesyen ke- 41 dimuktamadkan). | **Makluman** |
| | (d) meminta supaya semua PTJ memastikan cadangan tarikh penganjuran HKIP Tahun 2017 yang akan dimaklumkan kelak tidak bertindih dengan aktiviti lain di peringkat PTJ memandangkan sambutan ini merupakan satu medium yang diwujudkan untuk memberi penghargaan dan meraikan semua staf UPM. | **Semua TWP PP/TWP PTJ** |

<table>
<tr>
<td>Minit 30.7</td>
<td>
Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan ISO<br><br>
Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>
(a) berkaitan laporan cadangan penambahbaikan pelaksanaan ISO sepertimana lampiran agenda 8.0 yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>
(b) cadangan penambahbaikan mengikut kategori ISO adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>ISO</th><th>Cadangan Penambahbaikan</th></tr>
<tr><td>MS ISO 9001:2008</td><td>Peralihan kepada standard baharu MS ISO 9001:2015 pada tahun 2017 dan penambahan entiti berikut:<br>(i) Pusat Antarabangsa;<br>(ii) Institut Sains Akuakultur Antarabangsa;<br>(iii) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa;<br>(iv) Institut Kajian Perladangan; dan<br>(v) Pusat Zakat.</td></tr>
<tr><td>MS ISO/IEC 27001:2013</td><td>Perluasan skop pada tahun 2017 melibatkan skop:<br>(i) penilaian pengajaran;<br>(ii) pengurusan harta intelek; dan<br>(iii) pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa minggu perkasa putra di Kampus Bintulu.</td></tr>
<tr><td>MS ISO 14001:2004</td><td>(i) Penyelarasan Daftar Aspek Impak Alam Sekitar berasaskan Daftar Penilaian Risiko UPM.<br>(ii) Peralihan kepada standard baharu MS ISO 14001:2015 pada tahun 2018.</td></tr>
</table>
<br>
(c) tarikh penganjuran aktiviti pengekalan pensijilan ISO bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 dan meminta semua ahli mengambil perhatian terhadap tarikh yang dicadangkan.<br><br>
(d) cadangan pemantapan terhadap struktur organisasi kualiti UPM sediaada seperti berikut:
</td>
<td>
Makluman<br><br>
Makluman<br><br>
Makluman<br><br>
Makluman
</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | (i) Pewujudan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Kualiti Peringkat Pusat Tanggungjawab; dan<br><br>(ii) Pelantikan Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) dan Pegawai Rekod Jabatan Pusat Tanggungjawab (PRJ PTJ).<br><br>(e) pengurusan dan pemantauan keseluruhan kualiti yang dilaksanakan di UPM adalah di bawah tanggungjawab jawatankuasa berikut:<br><br>(i) Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan;<br>(ii) Jawatankuasa Kualiti;<br>(iii) Jawatankuasa Penilaian Pematuhan;<br>(iv) Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti;<br>(v) Jawatankuasa Kerja ISMS;<br>(vi) Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (peringkat peneraju proses); dan<br>(vii) Jawatankuasa Kerja ISMS. | **Makluman** |
| **Minit 30.8** | **Takwim Aktiviti Kualiti UPM Tahun 2017**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Takwim Aktiviti Kualiti UPM Tahun 2017 yang merangkumi cadangan tarikh bagi aktiviti Audit Dalaman ISO, Audit SIRIM ISO, kuatkuasa dokumen, Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan sepertimana **lampiran agenda 9.0** yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) dan bersetuju agar tarikh aktiviti kualiti ini akan dapat diharmonikan dengan takwim aktiviti rasmi UPM yang lain yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi. | **Makluman**<br><br><br><br><br><br>**CoSComm** |
| **Minit 30.9** | **Hal-Hal Lain**<br><br>**30.9.1 Penambahbaikan Pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2017**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Laporan Penambahbaikan Pelaksanaan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Sempena HKIP | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2016 adalah merujuk kepada **lampiran agenda 10.1**. Laporan merangkumi objektif, keahlian jawatankuasa induk beserta tanggungjawab, kriteria anugerah, tindakan pelaksanaan jawatankuasa dan keputusan pemarkahan dan penarafan. | |
| | | (b) penambahbaikan yang telah dilaksana bagi pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2016, iaitu: | **Makluman** |
| | | (i) keputusan pemarkahan dan penarafan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran diwar-warkan kepada semua PTJ; dan; | |
| | | (ii) jawatankuasa kecil di peringkat peneraju proses yang menentukan kriteria yang akan digunapakai bagi setiap komponen penilaian sebelum dibawa dan disahkan di peringkat Jawatankuasa Induk. | |
| | | (iii) format penentuan pemarkahan secara lebih 'neutral' mengambilkira kesesuaian pelaksanaan di setiap PTJ. | |
| | | (c) secara keseluruhan penarafan bintang PTJ bagi tahun 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 sepertimana berikut: | **Makluman** |

| Penarafan | 2016 | 2015 |
|---|---|---|
| 5 bintang | 0 | 0 |
| 4 bintang | 1 | 0 |
| 3 bintang | 17 | 6 |
| 2 bintang | 30 | 27 |
| 1 bintang | 27 | 42 |
| 0 bintang | 6 | 5 |
| **JUMLAH** | **81** | **80** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Mesyuarat bersetuju: | |
| | | (d) cadangan penambahbaikan pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2017 sepertimana berikut: | **Pengerusi Jawatan kuasa Induk Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran** |
| | | (i) pemakluman kepada PTJ untuk semakan status penyertaan sebelum tarikh akhir penghantaran maklumat; | |

| | | |
|---|---|---|
| | (ii) meneliti kembali julat penarafan bintang yang ditetapkan dengan cadangan supaya '0' bintang dikeluarkan daripada julat penarafan;<br><br>(iii) pemberian penarafan turut mengambilkira sumbangan PTJ terutamanya dari aspek pengurusan di UPM; dan<br><br>(iv) membangunkan kriteria yang bersesuaian dengan jenis dan saiz PTJ di UPM.<br><br>**30.9.2 Laporan Status Pelaksanaan Pengurusan Rekod Universiti**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) mengenai laporan status pelaksanaan pengurusan rekod universiti adalah sepertimana **lampiran agenda 10.2** yang telah dibentang semasa mesyuarat.<br><br>(b) UPM telah dikategorikan di bawah Penarafan 4 Bintang bagi Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Universiti Awam 2016.<br><br>(c) cadangan pemantapan program pengurusan rekod yang telah dilaksana, iaitu:<br><br>(i) lawatan kerja ke Universiti Awam yang mendapat penarafan 5 Bintang oleh Arkib Negara;<br><br>(ii) mengadakan Kursus Pengurusan Rekod kepada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ);<br><br>(iii) mengadakan sesi lawatan kerja ke Arkib Negara Malaysia; dan<br><br>(iv) mengadakan bengkel bersama PTJ yang masih belum mengguna pakai kod klasifikasi fail yang baharu;<br><br>(d) Mesyuarat bersetuju dengan cadangan agar satu perbincangan diadakan antara Pejabat Pendaftar dan Pusat Jaminan Kualiti bagi mengharmonikan pengurusan dokumen dan rekod yang melibatkan sistem pengurusan fail UPM secara menyeluruh agar mematuhi keperluan Arkib Negara Malaysia. | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**PRJU**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**PRJU/PKD** |

| | | |
|---|---|---|
| **Minit 30.10** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.05 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | **Makluman** |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 14 Disember 2016 (Rabu)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Prof . Dr. M. Iqbal bin Saripan | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan |
| 3. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 4. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 5. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 6. | Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman | TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 7. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 8. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP) Pusat Islam |
| 9. | Dr. Haji Latif bin Anwar | TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 10. | Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 11. | Puan Noorizajune binti Abu Bakar | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 12. | Encik Mustaffa bin Haji Dollah | TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 13. | Puan Noraihan binti Noordin | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 14. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 15. | Encik Mohd Nazri bin Noh | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 16. | Tuan Haji Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 17. | Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 18. | Tuan Haji Jamsari bin Tamsir | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 19. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 20. | Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 21. | Encik Zamre bin Yaacob | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 22. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 23. | Puan Shamriza binti Shari | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) |
| 24. | Puan Rozi binti Tamin | Penyelaras Audit (PAD) |
| 25. | Encik Fahmi Azar bin Mistar | Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) |
| 26. | Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor | Setiausaha/Pusat Jaminan Kualiti |

**Turut Hadir**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Puan Joliah binti Hussin | Wakil TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 2. | Encik Abdul Ghani bin Yon | Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 3. | Puan Besek Intan Zafina binti Basok | Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 4. | Puan Mastura binti Abd Rahim | Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar |
| 5. | Puan Siti Razimah binti Mohd Noor | Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 6. | Cik Arina Zafirah binti Zulkafli | Wakil TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 7. | Encik Syemsul Bahrim Abdul | Wakil TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 8. | Puan Ruzaina binti Ahmad Radzaly | Wakil TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 9. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | Wakil TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 10. | Encik Ludinata bin Misnun | Wakil TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 11. | Encik Nur Anwar Hilmi bin Mohd Abdul Malek | Wakil TWP (PP) Penerbit |
| 12. | Cik Maryam binti Othman | Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang |
| 13. | Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |
| 14. | Encik Mohd Pauzi bin Abd Karim | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 15. | Puan Juita binti Md Tahir | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 16. | Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 17. | Puan Hajah Norlidar binti Mohd Adnan | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 18. | Puan Hirfarizan Mardianah binti Mohd Tahir | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 19. | Dr. Zaidi bin Suif (secara v.c.) | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 20. | Puan Ida Suhaila binti Md Tahir | Wakil TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 21. | Puan Rosna binti Jasin | Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 22. | Puan Siti Nadirah binti Mat Na'ain | Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 23. | Puan Siti Hafizah binti Ibrahim | Wakil Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 24. | Puan Siti Juliyana binti Chupri | Wakil Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 25. | Puan Siti Fatimah binti Hasim | Pusat Jaminan Kualiti |

**Tidak Hadir (dengan kenyataan)**

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Encik Mohd. Faizal bin Daud | TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 2. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 3. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 4. | Tuan Haji Hashim bin Md. Shari | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 5. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 6. | Puan Rohani binti Abdul Latif | TWP (PP) Pejabat Bendahari |
| 7. | Encik Muzaffar Shah bin Kassim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 8. | Encik Ahmad Nizam bin Abdullah | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 9. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 10. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 11. | Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad | TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 12. | Encik Roslan bin Parjo | TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti |
| 13. | Tuan Haji Mokhtar bin Dahari | TWP (PP) Kolej Kediaman |
| 14. | Encik Julbakar bin Tajudin | TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 15. | Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 16. | Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 17. | Encik Mustafa bin Che Ali | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 18. | Puan Shaerin Azlin binti Ab. Rahman | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 19. | Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar | TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 20. | Encik Nasrudin bin Yahya | TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 21. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 22. | Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 23. | Tuan Haji Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 24. | Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 25. | Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 26. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 27. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |
| 28. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 29. | Cik Salmee Suhana binti Hashim | TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 30. | Puan Saliza binti Mustafa | TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 31. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | Penyelaras Latihan Staf (PLS) |
| 32. | Encik Muhazam bin Mansor | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 33. | Dr. Mohd Rafee bin Baharudin | Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 34. | Puan Rus Azizi binti Ismail | Peneraju EMS, Pejabat Bursar |